



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 10/2024

Prestasi Perdagangan Kukuh dan Peningkatan Guna Tenaga Memperlihatkan Kemajuan Ekonomi Malaysia

PUTRAJAYA, 29 OKTOBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 10/2024**. Edisi ini menumpukan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Ogos 2024 serta beberapa statistik akan datang untuk September 2024. Selain itu, edisi ini memuatkan artikel tambahan bertajuk "Keanjalan Harga bagi Barang dan Perkhidmatan Terpilih," yang mengkaji keanjalan harga dengan memberi tumpuan kepada tindakbalas dalam permintaan dan penawaran berikutan perubahan harga yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor.

Menilai keadaan ekonomi global terkini, *OECD Economic Outlook Interim Report* bagi September 2024 meramalkan KDNK global akan kekal stabil pada 3.2 peratus pada tahun 2024 dan 2025, dipengaruhi oleh disinflasi, peningkatan pendapatan sebenar dan kelonggaran dasar monetari. Laporan *World Bank's East Asia and Pacific Economic* (Oktober 2024) baru-baru ini mengunjurkan pertumbuhan 4.8 peratus bagi rantau Asia Timur dan Pasifik pada tahun 2024, mengatasi pasaran baru muncul dan ekonomi maju yang lain.

Melihat kepada senario ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Anggaran KDNK Awalan Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus pada suku tahun ketiga 2024, berbanding pertumbuhan 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh semua sektor terutamanya sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, kecuali sektor Perlombongan dan Pengkuarian yang mengalami penurunan."

Bagi prestasi indikator ekonomi bulanan, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada Ogos 2024 menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.1 peratus

berbanding 5.3 peratus pada Julai. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan 6.5 peratus dalam pengeluaran sektor Pembuatan, berbanding dengan 7.7 peratus pada bulan sebelumnya, dan sektor Elektrik mencatatkan peningkatan 4.1 peratus berbanding 7.0 peratus pada Julai. Pada masa yang sama, jualan sektor Pembuatan meningkat 7.7 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM163.9 bilion. Kenaikan ini disumbang oleh subsektor Makanan, minuman, dan tembakau, 16.1 peratus serta produk Elektrik dan elektronik, 10.4 peratus. Bagi industri berorientasikan eksport yang menyumbang 72.7 peratus daripada jumlah nilai jualan, mengalami pertumbuhan 7.8 peratus, manakala industri berorientasikan domestik meningkat 7.6 peratus. Prestasi ini menggambarkan ketahanan berterusan sektor perindustrian Malaysia dalam landskap ekonomi yang dinamik.

Menganalisis sektor Perkhidmatan Malaysia, Perdagangan Borong dan Runcit menunjukkan prestasi yang stabil dengan jualan meningkat 4.7 peratus tahun ke tahun mencapai RM149.2 bilion pada Ogos 2024. Pertumbuhan ini dicatatkan di semua subsektor iaitu Perdagangan runcit (5.9%), Kenderaan bermotor (4.1%) dan Perdagangan borong (3.7%).

Menilai kepada tahap harga, kadar inflasi Malaysia mereda kepada 1.9 peratus pada Ogos 2024. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kumpulan Restoran dan Perkhidmatan Penginapan (3.2%) serta kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (3.2%). Selain itu, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain serta Rekreasi, Sukan & Kebudayaan juga mencatatkan pertumbuhan masing-masing pada 3.1 peratus dan 2.0 peratus. Statistik terkini Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi September 2024 menunjukkan sedikit peningkatan iaitu 1.8 peratus atau 133.2 mata indeks. Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatatkan kenaikan marginal 0.3 peratus pada Ogos 2024. Kebanyakan sektor dalam IHPR menunjukkan pertumbuhan, kecuali sektor Perlombongan. Sektor Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan mencatatkan pertumbuhan 2.7 peratus, dan sektor Pembuatan meningkat 1.0 peratus. Di samping itu, Indeks Bekalan Air dan Indeks Bekalan Elektrik & Gas masing-masing meningkat 8.0 peratus dan 1.0 peratus. Walau bagaimanapun, IHPR Malaysia menyusut 2.1 peratus pada September 2024

Melihat kepada persektif luar, jumlah dagangan barangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan yang kukuh sebanyak 18.6 peratus pada Ogos 2024, mencecah RM252.7 bilion. Eksport meningkat 12.1 peratus kepada RM129.2 bilion, dan import melonjak 26.2 peratus kepada RM123.5 bilion. Lebihan dagangan menyusut kepada RM5.7 bilion berikutan pertumbuhan import yang lebih tinggi berbanding eksport.

Pada September 2024, prestasi dagangan Malaysia terus menunjukkan peningkatan, dengan jumlah dagangan berjumlah RM234.8 bilion, meningkat daripada RM224.3 bilion pada tahun lepas. Import meningkat kepada RM110.8 bilion, manakala eksport mencatatkan penurunan marginal 0.3 peratus, berjumlah RM124.0 bilion. Justeru, lebihan dagangan mencatatkan RM13.2 bilion bagi September 2024, menunjukkan persekitaran dagangan yang dinamik dengan ketidaktentuan import dan eksport.

Mengulas lanjut situasi semasa tenaga buruh, beliau menyatakan, “Pada Ogos 2024, pasaran buruh Malaysia menunjukkan tren positif dengan tenaga buruh meningkat 1.7 peratus mencapai 17.22 juta orang, berbanding 16.93 juta pada Ogos 2023. Penduduk bekerja juga meningkat 1.9 peratus kepada 16.66 juta, daripada 16.35 juta pada tahun lepas. Sehubungan itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat 0.3 mata peratus tahun ke tahun kepada 70.4 peratus, berbanding 70.1 peratus pada Ogos 2023. Selain itu, kadar pengangguran menurun 0.2 mata peratus kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya, menunjukkan pasaran buruh yang kondusif.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Indeks Pelopor (IP) Malaysia meningkat 4.0 peratus tahun ke tahun, mencecah 114.3 mata pada Ogos 2024. Kadar pertumbuhan terlicin IP kekal di atas 100.0 mata, menggambarkan perkembangan ekonomi yang stabil disokong oleh asas ekonomi yang kukuh dan prospek perdagangan antarabangsa yang positif. Pertumbuhan ini mencerminkan keyakinan terhadap ketahanan dan potensi ekonomi negara.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 OKTOBER 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 10/2024

Robust Trade Performance and Rising Employment Mark Malaysia's Economic Progress

PUTRAJAYA, 29th October 2024 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 10/2024**. This edition focuses on the recent statistics released in August 2024 and some forthcoming statistics for September 2024. Furthermore, this edition features an additional article titled "Price Elasticity for Selected Goods and Services", which examines price elasticity, focusing on demand and supply changes due to price shifts, influenced by various factors.

Evaluating the recent global economic condition, OECD Economic Outlook Interim Report for September 2024 forecasts that global GDP will stabilised at 3.2 per cent in 2024 and 2025, influenced by disinflation, rising real incomes, and eased of monetary policies. The World Bank's East Asia and Pacific Economic Update (October 2024) recently anticipates 4.8 per cent growth for the East Asia and Pacific region in 2024, outpacing other emerging markets and advanced economies.

Focusing on Malaysia's economic scenario, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, "Malaysia's advance GDP estimates grew by 5.3 per cent in the third quarter of 2024, from a growth of 5.9 per cent in the previous quarter. The growth was recorded by all sectors especially Services and Manufacturing sectors, except for Mining and Quarrying which declined".

For the monthly economic indicators performance, the Industrial Production Index (IPI) in August 2024, demonstrated a year-on-year growth of 4.1 per cent, from a growth of 5.3 per cent in July. The growth was primarily fuelled by a 6.5 per cent increased in Manufacturing output, as against 7.7 per cent the previous month, and Electricity sector with the expansion of 4.1 per cent rise as compared to 7.0 per cent in July. Concurrently, sales of Manufacturing sector rose by 7.7 per cent year-on-year,

amounting RM163.9 billion. The surge was contributed by Food, Beverages, and Tobacco sub-sectors, 16.1 per cent and Electrical and Electronics products, 10.4 per cent. On the Export-oriented industries, which accounted for 72.7 per cent of the total sales, experienced a growth of 7.8 per cent, while domestic-oriented industries increased by 7.6 per cent. The performance was reflected by the ongoing resilience of Malaysia's industrial sector amidst a dynamic economic landscape.

Analysing Malaysia's Services sector, the Wholesale and Retail Trade exhibited a steady performance with the sales increased by 4.7 per cent year-on-year to reach RM149.2 billion in August 2024. The growth was recorded across all sub-sectors namely Retail trade (5.9%), Motor vehicles (4.1%), and Wholesale trade (3.7%).

Assessing the price levels, Malaysia's inflation rate eased at 1.9 per cent in August 2024. This was largely contributed by Restaurant and Accommodation Services group (3.2%) and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods and Services group (3.2%). Additionally, Housing, Water, Electricity, Gas, and Other Fuels and Recreation, Sports & Culture groups also grew at 3.1 per cent and 2.0 per cent respectively. The recent statistics on Consumer Price Index (CPI) in September 2024 recorded a slight increase of 1.8 per cent, or 133.2 points of index. In the meantime, Producer Price Index (PPI) posted a marginal increase of 0.3 per cent in August 2024. Most sectors in PPI grew, except for Mining. The Agriculture, Forestry and Fishing sector experienced a growth of 2.7 per cent, and Manufacturing increased by 1.0 per cent. Additionally, the Water Supply Index and the Electricity & Gas Supply Index grew at 8.0 per cent and 1.0 per cent, respectively. However Malaysia's PPI went down by 2.1 in September 2024.

Looking at external frontier, Malaysia's total merchandise trade experienced a robust annual growth of 18.6 per cent in August 2024, reaching RM252.7 billion. Exports rose by 12.1 per cent to RM129.2 billion, and imports surged by 26.2 per cent to RM123.5 billion. The trade surplus narrowed to RM5.7 billion following the imports outpaced exports.

In September 2024, Malaysia's trade performance continued to improve, with a total trade of RM234.8 billion, up from RM224.3 billion in the previous year. Imports increased to RM110.8 billion, while exports saw a marginal decline of 0.3 per cent, totalling RM124.0 billion. Thus, trade surplus recorded RM13.2 billion for September 2024, indicating a dynamic trading environment amid fluctuating import and export levels.

Commenting further on the current labour force situation, he stated, "In August 2024, Malaysia's labour market showed positive trends, with the labour force grew at 1.7 per cent to reach 17.22 million persons, as compared to 16.93 million in August

2023. Employment also increased by 1.9 per cent to 16.66 million, up from 16.35 million in the preceding year. Consequently, the Labour Force Participation Rate (LFPR) rose by 0.3 percentage points year-on-year to 70.4 per cent, as compared to 70.1 per cent in August 2023. Additionally, the unemployment rate down by 0.2 percentage points to 3.2 per cent from 3.4 per cent in the preceding year, indicating accommodative labour market".

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "Malaysia's Leading Index (LI) increased by 4.0 per cent year-on-year, reaching 114.3 points in August 2024. The smoothed growth rate of the LI remained above 100.0 points, indicating steady economic expansion supported by solid fundamentals and a positive outlook for external trade. This growth reflects confidence in the economy's resilience and potential".

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29th OCTOBER 2024